

LEMBAGA TABUNG HAJI

RESOLUSI MUZAKARAH HAJI PERINGKAT KEBANGSAAN KALI KE-31 MUSIM HAJI 1436 HIJRAH

25-28 Rabiul Awwal 1436H bersamaan
16 – 19 Januari 2015

Tempat: TH Hotel & Convention Centre Alor Setar, Kedah

KERTAS KERJA PERTAMA

TAJUK : FIQH TAYSIR DALAM IBADAT HAJI

1. Al-Taysir iaitu memudahkan atau menolak masyaqqah dari mukallaf dengan syarat bertepatan dengan *dhawabit at-taysir* seperti berikut:-
 - i. dalil
 - ii. mempunyai sebab
 - iii. bukan *tatabbu' al-rukhas*
 - iv. seiring dengan Maqasid as-Syar'iah

2. Para pembimbing/ pengkursus ibadat haji yang diajukan kepadanya sesuatu masalah hendaklah berhati-hati dalam memberi jalan penyelesaian supaya tidak terlalu menyempit (*ifrat*) dan terlalu longgar (*tafrit*) serta memahami dengan jelas perbezaan di antara *tashil* dan *taysir* iaitu:-
 - i. *tashil* ialah memilih pandangan yang mudah dan ringan yang berasaskan hawa nafsu;
 - ii. *taysir* pula memilih pandangan yang mudah dan ringan berasaskan nas dan kaedah syarak.

3. Dalam menyelesaikan permasalahan yang dirujuk, adalah tidak wajar untuk mencari-cari adakah terdapat qaul fuqaha' yang lebih mudah berkaitan masalah tersebut semata-mata hendak meraikan status jemaah haji.

TAJUK: PERMASALAHAN IBADAT HAJI MUSIM HAJI 1435 HIJRAH

1. BADAL UMRAH YANG DILAKUKAN OLEH KANAK-KANAK YANG BELUM BALIGH TETAPI SUDAH MUMAYYIZ SETELAH MENYEMPURNAKAN UMRAHNYA SENDIRI

Tidak sah sekiranya kanak-kanak tersebut melakukan badal umrah wajib untuk arwah.

Walau bagaimanapun, sah sekiranya kanak-kanak tersebut melakukan badal umrah sunat untuk arwah sekiranya diwasiatkan.

(Nota: Perkara ini juga terpakai dalam ibadat haji)

2. NIAT UMRAH OLEH JEMAAH UMRAH YANG MEMBAWA ANAK TIDAK MUMAYYIZ KE MAKKAH

Sekiranya bercadang dari awal untuk mengerjakan umrah bagi anak tersebut, maka wajiblah bagi wali atau wakil wali untuk berniat ihram dan terikat dengan amalan ibadat umrah yang disyariatkan.

Walau bagaimanapun, tidak menjadi kesalahan bagi ibu bapa untuk membawa anaknya ke Makkah atas niat ziarah sahaja dan bukan untuk mengerjakan umrah. Digalakkan anak tersebut di bawa untuk mengerjakan tawaf sunat. Malah dinasihatkan wali atau wakil wali mempelajari hukum-hukum berkaitan dengan ibadat haji dan umrah serta adab ziarah kanak-kanak sekiranya bercadang mengerjakan haji ataupun umrah bagi mereka.

3. MUWALAT DALAM TAWAF

Menurut pendapat yang asoh, muwalat antara pusingan tawaf adalah sunat muakkad.

Jika tiada keuzuran dan masyaqqah, jemaah hendaklah menyelesaikan ketujuh-tujuh pusingan secara muwalat kerana memutuskan pusingan tanpa uzur adalah makruh.

(rujukan Kitab al-Idhah fi manasik al-haj wal umrah hlm. 242 tahun 2007 maktabah imdadiah dan rujuk juga Kitab Bughyah al-Thullab juzuk 2 hlm. 181)

KERTAS KERJA KETIGA

TAJUK: KONSEP UMUM AL-BALWA: RUJUKAN KHUSUS KEPADA IBADAT HAJI

1. *Umum al-Balwa* ialah suatu keadaan atau perkara yang berlaku ke atas kebanyakan mukallaf sama ada dalam bentuk perseorangan atau sebahagian atau keseluruhan, yang tidak mampu dihindari melainkan dengan kesulitan dan kesukaran yang membebankan.
2. Keringanan dan pengecualian diberikan kepada mukallaf yang terlibat dalam situasi *umum al-balwa* adalah bertujuan menghilangkan kesulitan, kesukaran yang membebankan dan *darar* daripada mukallaf dan bukanlah jalan untuk menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal.
3. Di musim haji banyak berlaku kesesakan dan ini menyebabkan kesukaran bagi jemaah haji untuk mengelak daripada terkena najis seperti najis burung, debu bernajis dan percikan air bernajis di jalanan. Oleh itu, ibadat jemaah haji tersebut adalah sah kerana ia termasuk dalam kategori najis yang dimaafkan.

KERTAS KERJA KEEMPAT

TAJUK : KEWAJIPAN IBADAT UMRAH DAN PELAKSANAANNYA MASA KINI

1. Ibadat umrah adalah wajib ditunaikan sekali seumur hidup sekiranya mampu (*istito'ah*).
2. Dam kanak-kanak *mumayyiz* yang melakukan larangan ihram semasa umrah merupakan tanggungjawab wali yang diambil daripada harta wali. Kanak-kanak tidak *mumayyiz* yang melakukan larangan ihram semasa umrah tidak dikenakan dam. Walau bagaimanapun, wali hendaklah menasihatkan kanak-kanak *mumayyiz* dan tidak *mumayyiz* supaya mematuhi larangan ihram.
3. Agensi umrah hendaklah menyediakan program penilaian ibadat umrah kepada semua jemaah sebelum pulang ke tanah air.